

5.0: MASALAH ASAS EKONOMI


Seperti yang kita sedia maklum bahawa sebagai seorang manusia, kita mempunyai naluri yang sangat kompleks, iaitu kita menginginkan seribu satu jenis barang dan perkhidmatan. Kita ingin makan bermacam-macam jenis makanan seperti hendak makan cendol, durian, rambutan, anggor, mee bandung Muar, nasi goreng, dan barang-barang yang kita kehendaki ini akan memberi kepuasan kepada kita. Kita juga ingin memakai berbagai-bagai jenis pakaian, atas tujuan supaya kita akan dilihat sentiasa cantik atau kacak. Kita juga kalau boleh mempunyai berbagai-bagai jenis kenderaan, supaya kita dilihat sebagai orang yang kaya dan berjaya. Kita juga inginkan rumah yang besar dan cantik, supaya kita dapat dilihat dapat kehidupan yang mewah. Selain itu bermacam-macam barang dan perkhidmatan yang lain yang kita inginkan. Kesimpulannya ialah kita sebagai seorang manusia sentiasa mempunyai kehendak yang tidak boleh kita sendiri kira, atau kita boleh mengatakan bahawa kita mempunyai kehendak yang berbagai-bagai dan tidak terhad.

Tetapi pada hakikatnya bolehkah kita memperolehi semua barang dan perkhidmatan yang kita kehendaki itu? Jawapan yang pasti ialah *tidak*. Mengapa kita tidak boleh memperolehi semua barang dan perkhidmatan yang kita kehendaki itu? Jawapannya ialah **kita mempunyai faktor atau sumber-sumber yang terhad**. Sebagai manusia biasa kita mempunyai wang dan kebolehan yang terhad. Bagi seorang pengusaha, mereka mempunyai faktor-faktor pengeluaran, seperti jumlah modal yang terhad. Begitu juga bagi sebuah negara, ia juga mempunyai sumber-sumber yang terhad. Seperti Malaysia hari ini terpaksa menarik pelaburan langsung asing dengan banyaknya – secara purata pelaburan langsung asing adalah kira-kira RM30 bilion setahun. Begitu juga dengan memasukkan buruh asing ke negara ini. Pada tahun 2009 adalah dianggarkan sebanyak 3 juta buruh asing yang bekerja di negara ini.

Kesan daripada wujudnya dua perkara yang bertentangan ini, iaitu kehendak yang tidak terhad dan pemilikan faktor-faktor atau sumber-sumber yang terhad, maka wujudlah konsep-konsep yang berikut;

- i. Masalah kekurangan
- ii. Masalah pilihan
- iii. Konsep kos lepas





Carta 1.1.

5.1: Konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas

i. Kekurangan

Masalah ini wujud kesan daripada jumlah faktor-faktor atau sumber-sumber pengeluaran yang dimiliki oleh manusia – pengguna, pengeluar – serta kerajaan adalah terhad. Oleh yang demikian, jumlah barang dan perkhidmatan, atau keluaran yang boleh digunakan atau dikeluarkan pada satu-satu masa adalah terbatas. Ini bererti bahawa manusia – pengguna, pengusaha dan kerajaan, mempunyai masalah **kekurangan** dari segi jumlah faktor-faktor atau sumber-sumber yang diperlukan.

ii. Pilihan

Kesan daripada wujudnya masalah kekurangan ini, maka manusia tidak akan dapat memenuhi semua kehendak yang diinginkan. Oleh yang demikian manusia ini terpaksa membuat **pilihan** terhadap barang dan perkhidmatan yang mereka ingin keluarkan dan digunakan. Bagaimana manusia – pengguna, pengusaha dan kerajaan ini membuat pilihan? Ia adalah bergantung bahawa pilihan-pilihan tersebut mestilah dapat memaksimumkan kepuasan kepada

pengguna, atau memaksimumkan untung kepada pengusaha, atau dapat memaksimumkan tingkat kebajikan rakyat bagi kerajaan.

iii. Kos lepas

Oleh sebab jumlah faktor yang dimiliki oleh pengguna, atau pengusaha ataupun kerajaan adalah terhad, maka apabila mereka membuat pilihan ke atas penggunaan atau pengeluaran sesuatu barang atau perkhidmatan itu, bererti mereka **terpaksa melepaskan barang yang lain, yang sepatutnya ia boleh diperolehi**. Dalam istilah ekonomi, apabila agam-agen atau pelaku-pelaku ekonomi ini membuat keputusan untuk mengeluarkan atau menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan, mereka akan terpaksa melepaskan pengeluaran atau penggunaan satu barang yang lain bagi membolehkan mereka menggunakan faktor-faktor yang ada untuk mengeluarkan atau menggunakan barang yang telah dipilih. Sejumlah barang yang dilepaskan tersebut adalah disebut sebagai **kos lepas**.

Untuk menjelaskan konsep kos lepas ini dengan mudah, ambil contoh berikut,

Amir (seorang pengguna) memiliki wang sebanyak RM2.00 (yang dianggap sebagai faktor atau sumber yang boleh digunakan untuk penggunaannya) dan beliau ingin membeli mee goreng atau nasi ayam (harga mee goreng dan nasi ayam ini ialah RM2.00 sepinggan). Ini bererti bahawa Amir akan berhadapan dengan masalah **kekurangan**, (wang yang dimilikinya tidak mencukupi untuk membeli kedua-dua mee goreng dan nasi ayam kerana jumlah kos bagi membeli kedua-dua makanan ini ialah sebanyak RM4.00). Maka Amir akan terpaksa membuat **pilihan** (pilihan sama ada membeli mee goreng sahaja, atau membeli nasi ayam sahaja). Jika Amir membuat keputusan bahawa beliau akan membeli mee goreng, maka ini bererti beliau terpaksa **melepaskan nasi ayam**. Maka dalam konteks ekonomi, bererti bahawa apabila Amir membuat keputusan dan seterusnya membeli mee goreng. Tindakan beliau melibatkan kos lepas. Kos lepas yang dimaksudkan di sini ialah jumlah barang yang sepatutnya beliau boleh miliki *tetapi terpaksa dilepaskan*, iaitu bersamaan dengan nasi ayam.. Dalam lain perkataan, kos lepas bagi memperolehi mee goreng ialah bersamaan dengan sepinggan nasi ayam.

Bagi seorang pengusaha atau sebuah firma, konsep kos lepas juga adalah sama seperti seorang pengguna. Misalnya sebuah firma atau seorang pengusaha mempunyai sebidang tanah seluas 1 ekar, yang mana beliau menggunakan tanah yang ada ini untuk mengeluarkan dua keluaran iaitu pisang atau jagong. Jika pengusaha ini membuat keputusan mengeluarkan barang pisang sahaja, maka kos lepas untuk mengeluarkan pisang ini ialah bersamaan dengan jumlah keluaran

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

jagong yang terpaksa dilepaskan. Ini kerana apabila beliau menggunakan semua tanahnya untuk tanaman pisang bererti bahawa tanah tersebut tidak boleh digunakan sama sekali untuk pengeluaran jagong.

Bagi sebuah kerajaan, konsep kos lepas ini boleh diterangkan seperti berikut. Misalnya kerajaan Malaysia mempunyai wang sejumlah RM10.0 juta, dan kerajaan telah menerima permohonan daripada penduduk Kg. Baru, Batu Pahat, Johor untuk mendapatkan sebuah Pusat Kesihatan dan sebuah bangunan Sekolah Kebangsaan yang baru. Setiap Pusat Kesihatan dan Sekolah Kebangsaan ini melibatkan kos pembinaan berharga RM10.0 juta. Maka jika kerajaan ingin memenuhi kedua-dua permohonan ini bererti kerajaan mestilah dapat menyediakan wang sejumlah RM20.0 juta. Tetapi seperti yang dinyatakan di atas, kerajaan hanya memiliki wang sejumlah RM10.0 juta sahaja. Maka ini bererti kerajaan mengalami masalah **kekurangan** wang untuk memenuhi kedua-dua permohonan ini. Dalam lain perkataan kerajaan **tidak** boleh memenuhi kedua-dua permohonan tersebut secara serentak. Walau bagaimanapun bagi memastikan bahawa penduduk Kg. Baru ini berpuashati, maka kerajaan terpaksa membuat **pilihan**, iaitu sama ada untuk membina sebuah Pusat Kesihatan **atau** sebuah Sekolah Kebangsaan. Jika kerajaan memutuskan untuk membina sebuah Pusat Kesihatan, maka **kos lepas** bagi mendapatkan Pusat Kesihatan ini adalah bersamaan dengan sebuah bangunan Sekolah Kebangsaan, iaitu bangunan sekolah kebangsaan yang terpaksa dilepaskan bagi membolehkan kerajaan menggunakan wang sejumlah RM10.0 juta bag pembinaan Pusat Kesihatan tersebut. Sebaliknya jika kerajaan membuat keputusan untuk membina bangunan sekolah kebangsaan, maka kos lepas bagi mendapatkan bangunan sekolah ini ialah bersamaan dengan sebuah pusat kesihatan.

Bagi sebuah negara atau sebuah ekonomi, masalah yang timbul kesan daripada wujudnya kehendak manusia atau rakyat yang tidak terhad dan pemilikan faktor-faktor pengeluaran yang terhad akan menjadi lebih kompleks lagi. Ini kerana bagi sebuah negara, seperti Malaysia ini, ia memiliki jumlah penduduk seramai lebih daripada 25 juta orang (pada tahun 2000), dan setiap orang penduduk atau rakyat ini akan mempunyai kehendak yang berbagai-bagai. Maka dengan jumlah faktor-faktor terhad ini, maka persoalan yang dihadapi oleh kerajaan atau ekonomi ini ialah daripada jutaan barang dan perkhidmatan yang diminta oleh rakyat Malaysia ini, iaitu apakah dan berapa banyak barang dan perkhidmatan dikeluarkan, bagaimana ia dikeluarkan dan untuk siapa barang itu dikeluarkan.

KESAN DARIPADA KELAKUAN MANUSIA BERIKUT

- i. **Kehendak manusia yang tidak terhad**
- ii. **Jumlah pemilikan faktor-faktor atau sumber-sumber pengeluaran yang terhad**

(Bahagian Mikroekonomi)

MASALAH-MASALAH ASAS EKONOMI

- i. **Apakah barang dan perkhidmatan serta berapa banyak perlu dikeluarkan**
- ii. **Bagaimana barang-barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan**
- iii. **Untuk siapa barang-barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan.**

Carta 1.2

1. Apakah barang dan perkhidmatan serta berapa banyak perlu dikeluarkan.

Bagi sebuah negara seperti Malaysia, yang mempunyai jumlah penduduk lebih dari 25 juta (pada tahun 2000) sudah pasti terdapat jutaan barang-barang dan perkhidmatan yang dikehendaki oleh rakyat Malaysia. Tetapi oleh sebab Malaysia mempunyai jumlah faktor-faktor yang terhad, sudah pastilah bahawa Malaysia tidak akan mampu untuk mengeluarkan semua barang-barang dan perkhidmatan yang ingini oleh rakyatnya. Maka dengan kewujudan keadaan yang demikian (wujudnya permintaan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan), maka pengusaha atau usahawan akan melihat dan membuat kajian tentang apakah barang atau perkhidmatan yang perlu dikeluarkan. Di dalam buat kajian tersebut pertimbangan yang utama sebelum mereka membuat keputusan untuk mengeluarkan sesuatu barang itu ialah sama ada aktiviti pengeluaran itu akan memberi **keuntungan** kepada mereka atau sebaliknya. Maka dalam keadaan yang sangat kompleks di pasaran, kegiatan pengusaha dan usahawan serta kerajaan akan melihat dan akan membuat keputusan **apakah barang atau perkhidmatan dan berapa banyak akan dikeluarkan.**

Untuk menjelaskan masalah ini, cuba kita lihat contoh di Malaysia. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kesejahteraan dan kemampuan rakyat Malaysia telah semakin meningkat. Salah satu barang yang diperlukan dan di minta oleh rakyat Malaysia adalah kereta. Oleh sebab negara Malaysia pada

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

awal kemerdekaan tersebut tidak berkemampuan dan tidak mempunyai teknologi untuk mengeluarkan kereta, maka permintaan rakyat Malaysia ini hanya dapat dipenuhi dengan mengimport kereta-kereta dari luar negara terutamanya dari England. Maka banyakkah jumlah kereta-kereta yang di import dari England pada setiap tahun. Mulai tahun 1960an, disamping England, Malaysia telah mengimport kereta-kereta dari Jepun. Jumlah kereta-kereta yang diimport ini terus meningkat dari tahun ke tahun. Maka pada tahun 1975, setelah kajian di buat, kerajaan Malaysia telah menubuhkan sebuah syarikat pengeluar kereta yang dipanggil Perusahaan Kereta Nasional Berhad (Proton). Melalui kerjasama dengan sebuah syarikat kereta Jepun, Malaysia telah mengeluarkan kereta Proton yang diberi nama Saga. Pada tahun tersebut Proton Saga dijual pada harga RM17,000.00 sebuah, dan Proton mampu untuk mengeluarkan sejumlah 30,000 unit setahun.. Pada tahun 2010, kita dapati bahawa industri pengeluaran kereta tempatan telah berkembang dengan pesat sekali. Semenjak tahun 2000 Malaysia mempunyai 3 pengeluar kereta tempatan yang utama, iaitu Proton, Perodua dan Naza. Pada tahun 2009, Proton dan Perodua masing-masing telah mengeluarkan sebanyak 150,000 unit setahun.

Dari segi teori, apa yang berlaku di Malaysia ini ialah, agen-agen ekonomi, iaitu pengguna, pengeluar dan kerajaan, akan melihat keadaan pasaran di mana pengguna dan rakyat Malaysia keseluruhannya akan menzahirkan keinginannya ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang diperlukannya. Dari berjuta-juta jenis barang dan perkhidmatan yang di minta, pengusaha atau usahawan dan juga kerajaan akan melihat apakah peluang-peluang yang wujud di pasaran bagi mereka memasuki pasaran dan mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan yang diminta oleh pengguna ini. Sebagai contoh di atas, pengusaha dan kerajaan pada awalnya, oleh sebab mereka mempunyai faktor-faktor yang terhad, mereka tidak berkemampuan untuk mengeluarkan satu daripada barang yang diminta oleh pengguna, iaitu kereta. Oleh yang demikian, permintaan ke atas kereta ini dibiarkan kepada negara asing untuk memenuhi permintaan ini. Tetapi mulai 1975 kerajaan telah membuat keputusan bahawa mereka telah mempunyai kemampuan – dari segi modal, buruh, tanah serta teknologi – membuat keputusan untuk masuk ke dalam pasaran iaitu dengan mengeluarkan kereta sendiri. Begitulah juga dengan barang-barang dan perkhidmatan yang lain, telah banyak dikeluarkan di negara ini.

2. Bagaimanakah barang-barang dan perkhidmatan itu dikeluarkan.

Setelah pengusaha atau usahawan atau negara itu memutuskan apakah barang yang hendak dikeluarkan, masalah kedua yang mereka hadapi ialah bagaimanakah barang atau perkhidmatan itu dikeluarkan? Bagi pengusaha atau usahawan individu, bagaimana barang atau perkhidmatan itu dikeluarkan adalah bergantung kepada teknologi yang digunakan, dan ia mestilah dapat

BAB 1: PENGENALAN KEPADA EKONOMI

mengeluarkan dengan kos paling minimum atau kos paling rendah. Ini kerana pengusaha apabila melibatkan dirinya dalam pengeluaran sesuatu barang itu, objektif utamanya ialah untuk memaksimumkan untung.

Bagi barang awam pula, oleh sebab barang awam ini akan hanya dikeluarkan oleh kerajaan, maka kerajaan berhak untuk memilih teknologi pengeluaran yang mereka fikirkan baik. Oleh sebab penawaran barang ini tidak bermotifkan memaksimumkan untung, maka teknologi atau teknik yang digunakan tidak semestinya dapat meminimumkan kos. Itulah sebabnya kebanyakan projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, kos yang terlibat lazimnya adalah jauh lebih mahal berbanding jika projek atau pengeluaran barang tersebut dilakukan oleh pengusaha atau firma swasta.

Kesimpulannya, masalah bagaimana barang itu dikeluarkan adalah bergantung siapa yang mengeluarkannya. Jika ia dilakukan oleh pengusaha atau firma persendirian atau swasta, maka kaedah pengeluaran mestilah yang akan menggunakan teknik dan teknologi yang meminimumkan kos. Tetapi jika barang itu adalah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, kerajaan sendiri akan memilih teknik pengeluaran yang fikirkan perlu dan sesuai dan tidak tertakluk kepada kaedah pengeluaran yang meminimumkan kos.

3. Untuk siapa barang dan perkhidmatan tersebut dikeluarkan.

Apa yang dimaksudkan di sini ialah apabila sesuatu barang atau perkhidmatan itu dikeluarkan, **siapakah yang akan menikmati faedahnya?** Adakah barang-barang itu dikeluarkan untuk orang miskin atau untuk orang kaya sahaja dan sebagainya. Sebagai contoh di Malaysia, kerajaan telah masuk ke industri pembinaan perumahan, iaitu melalui penubuhan Syarikat Perumahan Negara, yang mana rumah-rumah yang dibina oleh syarikat ini adalah dikhususkan untuk rakyat miskin sahaja. Sebaliknya jika barang itu adalah barang ekonomi, di mana firma yang mengeluarkan barang tersebut adalah bergantung kepada keluk permintaan, maka barang tersebut adalah dikeluarkan untuk siapa yang memintanya atau siapa yang mempunyai wang untuk membayarnya.

Walaupun semua masalah-masalah asas ekonomi ini akan sentiasa dihadapi oleh semua negara di dunia ini, tetapi penyelesaian sebenarnya bergantung kepada **sistem ekonomi** yang wujud di sesebuah negara itu. Misalnya permasalahan ini akan di selesaikan di China adalah berlainan dengan yang dijalankan di Malaysia, di Amerika Syarikat, di Chili, di Arab Saudi atau di Iraq dan sebagainya.